

Untuk Kad Kredit**E-PENYATA MELALUI E-MEL/CLICKS****1. Saya menerima SMS mengenai peralihan kepada e-Penyata melalui e-mel. Apakah maksudnya dan adakah saya perlu lakukan apa-apa?**

Kami ingin memaklumkan kepada anda bahawa anda boleh menerima penyata kad kredit bulanan anda melalui e-mel. Sekiranya anda berminat untuk menerima e-Penyata ke alamat e-mel anda seperti yang terdapat dalam rekod Bank dan bukan penyata kertas, semua yang anda perlu lakukan adalah menghantar SMS ke 62666 sebelum 31 December 2021: ESTMT <jarak> 4 angka KP terakhir. Contohnya, ESTMT 1234 ke 62666.

2. Saya menerima SMS mengenai peralihan kepada e-Penyata melalui CIMB Clicks. Apakah maksudnya dan adakah saya perlu lakukan apa-apa?

Kami ingin memaklumkan kepada anda bahawa anda boleh menerima penyata kad kredit bulanan anda melalui CIMB Clicks. Sekiranya anda berminat untuk menerima e-Penyata melalui CIMB Clicks dan bukannya penyata kertas, semua yang anda perlu lakukan adalah menghantar SMS ke 62666 sebelum 31 December 2021: ESTMT <jarak> 4 angka KP terakhir. Contohnya, ESTMT 1234 ke 62666.

3. Saya menerima SMS yang menyatakan saya tidak lagi menerima penyata kad kredit saya melalui penyata kertas. Apakah maksudnya?

Bank tidak lagi menghantar penyata kad kredit anda melalui penyata kertas. Penyata kad kredit anda akan dihantar sama ada ke alamat e-mel anda dalam rekod Bank dan/atau CIMB Clicks.

4. Saya menerima SMS pada e-Penyata kad kredit, bagaimanakah boleh saya kemas kini alamat e-mel saya?

Anda boleh mengemas kini alamat e-mel anda dengan:

- Memuat turun borang Penyelenggaraan Kad Kredit, klik [sini](#) and dan kemudiannya hantarkan borang lengkap melalui e-mel ke cru@cimb.com ;
- Atau kunjungi Cawangan CIMB terdekat anda.

5. Bagaimanakah boleh saya lihat e-Penyata kad kredit saya melalui CIMB Clicks?

Sila ikuti langkah-langkah di bawah untuk melihat e-Penyata anda.

Melihat dari Akaun Saya di laman web Clicks

Langkah 1: Log masuk ke CIMB Clicks www.cimbclicks.com.my

Langkah 2: Pergi ke 'My Account' > Klik pada 'three dots button' di sudut kanan atas > Klik pada 'View/Download eStatement'

Langkah 3: Pilih bulan pilihan

Langkah 4: Klik pada butang Muat Turun > Klik Muat Turun sebagai PDF

Melihat dari Perkhidmatan di laman web Clicks

Langkah 1: Log masuk ke CIMB Clicks www.cimbclicks.com.my

Langkah 2: Pergi ke 'Services' > 'eStatements' > Klik pada 'View eStatement'

Langkah 3: Pilih bulan pilihan

Langkah 4: Klik pada butang Muat Turun > Klik Muat Turun sebagai PDF

6. Saya tidak dapat melihat penyata kad kredit saya pada CIMB Clicks, apakah yang perlu saya lakukan?

Sekiranya anda tidak dapat melihat penyata kad kredit bulanan anda, sila teruskan untuk memautkan kad kredit anda ke CIMB Clicks.

Langkah 1: Log masuk ke CIMB Clicks www.cimbclicks.com.my

Langkah 2: Pergi ke 'Services' > 'Account Maintenance' > 'Credit Card' > Pautkan Kad Kredit ke ID CIMB Clicks

Langkah 3: Isikan nombor kad kredit 16 angka anda dan pilih ID Pengguna CIMB Clicks anda

Langkah 4: Klik 'Submit' dan minta TAC untuk penghantaran anda

Sebagai alternatif, anda juga boleh merujuk kepada video tutorial singkat di bawah mengenai cara memautkan kad kredit anda ke CIMB Clicks: <https://www.youtube.com/watch?v=1pSigucoPog>

Kad kredit anda akan dicerminkan dalam CIMB Clicks dalam 2 hari bekerja, hanya terpakai kepada pemegang kad utama.

7. Saya menerima SMS yang menyatakan saya tidak lagi menerima penyata kad kredit saya melalui penyata kertas. Saya lebih gemar menerima penyata kertas, bolehkah saya minta penyata kertas untuk kad kredit saya?

Kami mendorong pemegang kad kami untuk menerima e-Penyata bagi membantu dalam pengurangan penggunaan kertas dan mempromosikan perkhidmatan tanpa sentuhan terutamanya dalam persekitaran semasa ini.

Sekiranya anda lebih gemar menerima penyata kad kredit anda melalui penyata kertas, sila hubungi Pusat Panggilan Pengguna kami di 603-6204 7788. Fi Penyata RM1* setiap penyata kertas akan terpakai dan dcajkan ke akaun kad kredit anda.

* berkuat kuasa dari 1 Januari 2022, fi Penyata Kertas Bulanan Kad Kredit akan disemak semula ke RM2.00.

8. Adakah terdapat Fi Penyata sekiranya saya pilih untuk menerima penyata kertas?

Ya, Fi Penyata RM1* setiap penyata kertas setiap bulan akan dcaj ke akaun kad kredit anda.

* berkuat kuasa dari 1 Januari 2022, fi Penyata Kertas Bulanan Kad Kredit akan disemak semula ke RM2.00.

9. Siapakah yang akan dikecualikan daripada Fi Penyata RM1*?

Fi Penyata RM1* tidak akan terpakai untuk kumpulan pemegang kad berikut:

- Pemegang kad berumur 65 tahun dan ke atas
- Pemegang kad yang mempunyai kemampuan yang berbeza**
- Pemegang kad yang menghadapi kesukaran untuk mengakses penyata perbankan dalam talian mereka (cth terletak di kawasan luar bandar tanpa internet)**

- Pelanggan CIMB Preferred

* berkuat kuasa dari 1 Januari 2022, fi Penyata Kertas Bulanan Kad Kredit akan disemak semula ke RM2.00.

**Pemegang Kad diminta untuk melengkapkan pengisytiharan diri di mana-mana Cawangan CIMB

10. Adakah tarikh akhir pembayaran saya akan berubah?

Tarikh akhir pembayaran anda tetap sama.

11. Bagaimanakah jika saya tidak lakukan apa-apa setelah menerima SMS dari Bank yang menyatakan saya tidak lagi menerima penyata kad kredit saya melalui penyata kertas? Adakah saya akan berhenti menerima penyata kertas?

Ya, anda tidak akan menerima penyata kad kredit anda melalui penyata kertas. Sila hubungi Pusat Panggilan Pengguna kami di 603 6204 7788 jika anda masih ingin menerima penyata kertas. Fi Penyata RM1* setiap penyata kertas akan terpakai dan dcaj ke akaun kad kredit anda.

* berkuat kuasa dari 1 Januari 2022, fi Penyata Kertas Bulanan Kad Kredit akan disemak semula ke RM2.00.

Untuk Akaun Deposit iaitu akaun semasa (CA), akaun semasa-i (CA-i), akaun simpanan (SA), akaun simpanan-i (SA-i), simpanan tetap (FD), akaun pendapatan pulangan tetap-i (FRIA-i) dan kad debit.

E-PENYATA MELALUI E-MEL/CLICKS

12. Saya menerima SMS pada e-Penyata deposit. Apakah maksudnya?

Bank tidak lagi menghantar penyata akaun deposit anda melalui penyata kertas berkuat kuasa dari tarikh yang dimaklumkan kepada anda dalam SMS/E-mel ("eDM"). Sila lihat e-Penyata akaun deposit anda melalui CIMB Clicks (rujuk S14) dan/atau di alamat e-mel anda selepas langganan melalui CIMB Clicks untuk Penghantaran Penyata E-mel (rujuk S15).

13. Saya lebih gemar menerima penyata kertas, bolehkah saya minta penyata kertas untuk akaun deposit saya?

Ya, anda boleh mengikuti langkah-langkah ini untuk beralih kepada penyata kertas:

Langkah 1: Log masuk ke CIMB Clicks www.cimbclicks.com.my

Langkah 2: Pilih Perkhidmatan > e-Penyata > Klik pada 'Stop/Resume Paper Statement'

Langkah 3: Pilih 'Resume'

Langkah 4: Terima Pengisytiharan, dan pilih 'I Agree & Confirm'

Setelah mengikuti langkah-langkah di atas untuk beralih kepada penyata kertas, anda akan menerima penyata kertas dalam kitaran penyata bulan berikutnya. Sebagai alternatif, anda boleh mengunjungi Cawangan CIMB terdekat anda untuk meminta peralihan kepada penyata kertas.

14. Bagaimanakah saya dapat melihat e-Penyata akaun deposit saya melalui CIMB Clicks?

Dikemas kini pada 7 Dec 2021

Log masuk ke CIMB Clicks dan lihat penyata akaun deposit bulanan anda dengan mengikuti langkah-langkah berikut:

Langkah 1: Log masuk ke CIMB Clicks www.cimbclicks.com.my

Langkah 2: Pilih Perkhidmatan > e-Penyata > Klik pada 'View eStatement'

Langkah 3: Pilih bulan

Langkah 4: Muat turun penyata.

15. Bagaimanakah saya minta penghantaran e-Penyata ke alamat e-mel saya?

Sila ikuti langkah-langkah ini untuk melanggan Penghantaran Penyata E-mel:

Langkah 1: Log masuk ke CIMB Clicks www.cimbclicks.com.my

Langkah 2: Pilih Perkhidmatan > e-Penyata > Klik pada 'Email Statement Delivery'

Langkah 3: Masukkan alamat e-mel & kata laluan untuk Penyata E-mel anda

Langkah 4: Pilih 'Yes' untuk menerima Terma-Terma & Syarat-Syarat > Pilih 'I Agree & Confirm'

Langkah 5: Lakukan pengesahan TAC dan klik 'Confirm'.

16. Bagaimanakah saya mengemas kini alamat e-mel saya untuk e-Penyata?

Sila ikuti langkah-langkah ini untuk mengemas kini alamat e-mel anda untuk Penghantaran Penyata E-mel:

Langkah 1: Log masuk ke CIMB Clicks www.cimbclicks.com.my

Langkah 2: Pilih Perkhidmatan > e-Penyata > Klik pada 'Email Statement Delivery'

Langkah 3: Kemas kini E-mel / Kata Laluan untuk Penyata E-mel anda & lakukan pengesahan TAC untuk mengesahkan.

Untuk Akaun Pinjaman/Pembiayaan iaitu Pembiayaan Hartanah, Pembiayaan Peribadi, Pembiayaan ASB

E-PENYATA MELALUI E-MEL/CLICKS

17. Saya menerima SMS/E-mel ("eDM") pada e-Penyata untuk pinjaman/pembiayaan saya. Apakah maksudnya?

CIMB tidak lagi menghantar penyata akaun Pinjaman/Pembiayaan anda melalui penyata kertas berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam SMS/E-mel ("eDM"). Sila lihat e-Penyata akaun pinjaman/pembiayaan anda melalui CIMB Clicks dan/atau menerimanya di alamat e-mel anda selepas langganan Penghantaran Penyata E-mel melalui CIMB Clicks (rujuk S20).

18. Saya lebih gemar menerima penyata kertas, bolehkah saya minta penyata kertas untuk akaun pinjaman / pembiayaan saya?

Ya, anda boleh mengikuti langkah-langkah ini untuk beralih kepada penyata kertas:

Langkah 1: Log masuk ke CIMB Clicks di www.cimbclicks.com.my melalui pelayar laman web

Langkah 2: Pilih Perkhidmatan > e-Penyata > Klik pada 'Stop/Resume Paper Statement'

Langkah 3: Pilih butang 'Resume'

Langkah 4: Terima Pengisytiharan, dan pilih *'I Agree & Confirm'*

Setelah mengikuti langkah-langkah di atas untuk beralih kepada penyata kertas, anda akan menerima penyata kertas dalam kitaran penyata bulan berikutnya. Sebagai alternatif, anda boleh mengunjungi cawangan CIMB terdekat anda untuk meminta peralihan kepada penyata kertas.

19. Bagaimanakah saya dapat melihat e-Penyata pinjaman / pembiayaan saya melalui CIMB Clicks?

Log masuk ke CIMB Clicks melalui pelayar laman web dan lihat penyata akaun pinjaman / pembiayaan bulanan anda dengan mengikuti langkah-langkah berikut:

Langkah 1: Log masuk ke CIMB Clicks di www.cimbclicks.com.my melalui pelayar laman web

Langkah 2: Pilih Perkhidmatan > e-Penyata > Klik pada *'View eStatement'*

Langkah 3: Pilih bulan

Langkah 4: Muat turun penyata

20. Bagaimanakah saya minta penghantaran e-Penyata ke alamat e-mel saya?

Sila ikuti langkah-langkah ini untuk melanggan Penyata E-mel:

Langkah 1: Log masuk ke CIMB Clicks di www.cimbclicks.com.my melalui pelayar laman web

Langkah 2: Pilih Perkhidmatan > e-Penyata > Klik pada *'Email Statement Delivery'*

Langkah 3: Masukkan alamat e-mel & kata laluan untuk Penyata E-mel anda

Langkah 4: Pilih *'Yes'* untuk menerima Terma-Terma & Syarat-Syarat > Pilih *'I Agree & Confirm'*

Langkah 5: Lakukan pengesahan TAC dan klik *'Confirm'*.

21. Sekiranya alamat e-mel saya tidak didaftarkan atau dikemas kini dengan Bank, bagaimanakah boleh saya daftar/kemas kini alamat e-mel saya untuk e-Penyata?

Sila ikuti langkah-langkah ini untuk mendaftar/mengemas kini alamat e-mel anda untuk Penghantaran Penyata E-mel:

Langkah 1: Log masuk ke CIMB Clicks di www.cimbclicks.com.my melalui pelayar laman web

Langkah 2: Pilih Perkhidmatan > e-Penyata > Klik pada *'Email Statement Delivery'*

Langkah 3: Kemas kini E-mel / Kata Laluan untuk Penyata E-mel anda & lakukan pengesahan TAC untuk mengesahkan.